

Bitara

eISSN : 2805-5470



BIL. 3 / 2024

MINGGU SAINS
NEGARA

Majlis Perasmian

ACADEMIA - INDUSTRY - COMMUNITY
ENGAGEMENT PROGRAM

AICEP



Academia

Industry Community Programme

AICEP@MiNT SRC 2024



© Penerbit UTHM
Terbitan Ketiga 2024

Hak cipta terpelihara. Dilarang untuk menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Diterbit oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698/8529
No. Faks: 07-453 6145

Redaksi BITARA

Penaung

Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

Penasihat

Prof. Madya Dr. Akmal Nizam bin Mohammed

Ketua Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan

Sidang Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan | En. Idris bin Johar |
Cik Yuniza binti Asri | Cik Nurhuda binti A Malik

Konsep dan Rekaan

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan | En. Idris bin Johar |
Cik Yuniza binti Asri | Cik Nurhuda binti A Malik

Penyumbang Berita

I²E - Prof. Ts. Dr. Mohd Khairul bin Ahmad,
Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan,
Dr. Saizalmursidi bin Md Mustam,
Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin,
Cik Maizatulazrina binti Yaakob |
iSWAJ - Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol,
En. Mustapahatuddin bin Abdul Khalim |
ICC - Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman,
En. Muhamad Shafiq Nor bin Mazlan | MyREI |
TRANSFORM - Dr. Zahrul Akmal bin Damin,
Cik Nor Azila binti Nor Azman | RMC | ICRC |
Pejabat Penerbit - Dr. Nurhafiza binti Hamzah,
Pn. Zuraidah binti Johari, Pn. Anis Sofia binti Hasran,
Cik Zawanah binti Zahari

Percetakan

Pejabat Penerbit UTHM

Isi Kandungan

04-09

Aktiviti I²E

10-11

Aktiviti iSWAJ

12-13

Aktiviti ICC

14-15

Aktiviti MyREI

16-17

Aktiviti TRANSFORM

18-19

Aktiviti RMC

20-21

Aktiviti ICRC

22-23

Aktiviti Pejabat Penerbit

Redaksi BITARA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan bagi penerbitan BITARA ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BITARA yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada alamat e-mel sofia@uthm.edu.my

Sekilas Pandang

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa syukur
kehadrat Tuhan Yang Maha Esa kerana atas limpahan
rahmat serta kurnia-Nya, Pusat Tanggungjawab (PTj) di
bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan
Inovasi) berjaya menerbitkan Buletin Bitara Bil. 3/2024
dengan jayanya.

Pendidikan tinggi di Malaysia kini dipacu dengan
cemerlang menerusi lima fokus utama yang digariskan
Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui 20 Landasan
Hala Tuju yang memberi penekanan kepada pengukuhan
ekosistem penyelidikan dan inovasi yang memfokuskan
kajian berimpak, yang bukan saja mampu memperbaiki
kehidupan rakyat tetapi juga menambah baik ekonomi
dan mengukuhkan aspek sosial negara.

Justeru, pihak Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E)
menggembeng tenaga dan usaha untuk memacu kejayaan
dalam bidang penyelidikan, pembangunan, inovasi dan
juga khidmat masyarakat. Tahniah dan syabas diucapkan
kepada seluruh warga kerja I²E yang telah berjaya
menganjurkan beberapa projek berskala besar sepanjang
tempoh 10 tahun penubuhan I²E di UTHM.

Kesungguhan dan keazaman semua pihak untuk
mencetuskan idea-idea baru melalui penyelidikan, inovasi
dan perkhidmatan kepakaran adalah sangat penting
dalam membawa perubahan yang positif kepada arus
pendidikan tinggi negara. Akhir kata, semoga penerbitan
Buletin Bitara ini menjadi anjakan yang bermakna untuk
mendorong lebih banyak inovasi dan kreativiti dalam
pendidikan tinggi.

Sekian,

Wabillahi taufik wal hidayah,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.

**Prof. Ts. Dr. Mohd Khairul
bin Ahmad**
Pengarah I²E
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Majlis Perasmian Academia Industry Community Program (AICEP)@MiNT-SRC 2024

10 Sept. 2024 - Majlis Perasmian Program Academia Industry Community Programme (AICEP)@MiNT-SRC 2024 bertempat di *Big Stage* Aras 2 Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM, Kampus Induk Parit Raja. Majlis AICEP@MiNT-SRC 2024 ini telah dirasmikan oleh YBrs. Pn. Ruziah Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Program dua hari anjuran Pusat Penyelidikan Shamsuddin Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC), UTHM ini merupakan salah satu daripada pengisian Bulan Nanoteknologi Minggu Sains Negara yang bertujuan bagi merealisasikan jalinan kerjasama antara universiti, industri dan komuniti selain memberi pendedahan mengenai Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) khususnya bidang nanoteknologi kepada para pelajar sekolah. Pengisian program merangkumi sesi perkongsian oleh ikon nano akademik dan industri, bengkel percetakan 3D, lawatan makmal nano dan pelbagai aktiviti menarik lain.

Turut hadir pada majlis perasmian adalah Naib Canselor UTHM; Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); Prof. Ts. Dr. Rabbiah binti Ahmad, Pengarah Institut Kejuruteraan Integrasi; Prof. Ts. Dr. Hj. Mohd Khairul bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah, Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), MOSTI; Encik Ismarulnizam Ismail, Ketua Pusat Penyelidikan MiNT-SRC; Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin, Pegawai-pegawai Kanan kementerian dan Universiti, para penaja, wakil industri serta para pelajar dan guru.



Slot Ikon Nano Akademika

10 Sept. 2024 - AICEP@MiNT-SRC 2024 diteruskan lagi dengan Slot Ikon Nano Akademika yang disampaikan oleh ikon nano akademik jemputan iaitu Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan yang membentangkan tajuk "Dunia pada tahun 2100". Beliau mengupas berkenaan transformasi teknologi dari masa sekarang hingga tahun 2100. Slot Ikon Nano Akademika kedua diteruskan bersama Prof. Madya Ts. Dr. Nur Hanis Hayati binti Hairom yang menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk Air Bersih, Hidup Lebih Segar. Sesi perkongsian ini memberi fokus terhadap kepentingan air dalam kehidupan seterusnya usaha membantu mengekalkan kualiti air di dunia.


Ikon Nano Akademika terakhir bagi slot ini adalah perkongsian dari Prof. Ts. Dr. Hj. Mohd Khairul bin Ahmad yang membentangkan tajuk dari Fotosintesis ke Sel Solar bagi memupuk kesedaran peserta AICEP@MiNT-SRC berkaitan kepentingan tenaga boleh diperbaharui dan tidak mencemar alam sekitar. Kesemua perkongsian ini mengaitkan tentang penggunaan nanoteknologi dalam kehidupan harian manusia. Semoga perkongsian ini memberi manfaat kepada para peserta AICEP@MiNT-SRC 2024.



Slot Ikon Industri

11 Sept. 2024 – Hari kedua program AICEP@MiNT-SRC 2024 telah berjaya dilaksanakan menerusi slot bual bicara serta perkongsian ilmu oleh dua orang Ikon Industri iaitu En. CS Tan, Pengarah Urusan ST Microelectronics, Muar dan juga Dr. Muhammad Isyraf bin Aznam, Pakar Aplikasi Gaia Science Malaysia Sdn. Bhd.

En. CS Tan berkongsi ilmu mengenai bidang nanoteknologi di industri dengan tajuk *"Shaping tomorrow: the future of nanotechnology and its transformative impact"*. Manakala, Dr. Muhammad Isyraf bin Aznam berkongsi ilmu berkaitan *Atomic Force Microscopy (AFM)*.



Slot Bengkel Percetakan 3D AICEP@MiNT-SRC

11 Sept 2024 - Pusat Penyelidikan Shamsuddin-Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC) 2024 melalui slot ke 4 dalam Program AICEP@MiNT-SRC telah berjaya menganjurkan Bengkel Percetakan 3D. Bengkel ini disertai oleh pelajar dan guru sekolah sekitar Johor dan ianya telah dibimbing oleh En. Mohd Azwadi bin Omar, Penolong Jurutera MiNT-SRC dan Cik Nur Liyana binti Razali, Pelajar Ph.D MiNT-SRC di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin.

Bengkel Percetakan 3D ini membimbing peserta melaksanakan lakaran asas 3D menggunakan *software Lithopane* dan *Sketchup*. Lakaran asas adalah penting dalam proses reka bentuk sesuatu produk dengan cara pengterjemahan idea dan konsep pereka kepada *blueprint* yang boleh dilihat oleh pihak lain. Rekaan akhir akan dicetak menggunakan mesin pencetak 3D (*3D printer*).



Slot Lawatan Makmal Nano

10 & 11 Sept. 2024 – Lawatan Makmal Nano atau lebih dikenali sebagai *Nano Lab Tour* ini telah dianjurkan oleh pihak MiNT-SRC pada kedua-dua hari program AICEP@MiNT-SRC 2024 yang mana dalam sesi *Nano Lab Tour* ini, para peserta berpeluang untuk melawat ke semua makmal-makmal yang terdapat di Blok F5, Pusat Penyelidikan Shamsuddin – Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC).

Dalam sesi *Nano Lab Tour* ini, para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut sekolah masing-masing dan setiap kumpulan berpeluang untuk melihat dan mempelajari dengan lebih lanjut berkaitan kemudahan serta peralatan yang digunakan dalam proses pengujian sampel. Antara peralatan yang disediakan untuk sesi lawatan ini adalah UV-VIS, *Contact Angle*, *4 Point Probe*, *Raman Spectroscopy*, *Atomic Force Microscope (AFM)*, *Surface Profiler*, *Solar Simulator*, *Hall Effect*, *X-Ray Diffraction (XRD)*, *Sputtering*, *FeSEM*. Selain itu, sesi lawatan ini dimeriahkan lagi dengan penganjuran Kuiz NanoLab yang berlangsung sepanjang sesi ini berlangsung. Semoga program *Nano Lab Tour* ini memberi manfaat kepada para peserta AICEP@MiNT-SRC 2024.



Slot Pertandingan Reka Bentuk Teknologi Nano dan Pertandingan Poster

11 Sept. 2024 – Hari kedua program AICEP@MiNT-SRC 2024 diserikan lagi dengan penganjuran pertandingan Rekabentuk Teknologi Nano 2024 yang terbuka kepada pelajar sekolah menengah di sekitar Johor.

Setiap kumpulan terhad kepada empat orang peserta sahaja dan ianya melibatkan lebih dari lima buah sekolah menengah di beberapa daerah negeri Johor yang mengambil bahagian. Pertandingan ini menjanjikan hadiah yang menarik dan lumayan kepada kumpulan pemenang dari tempat pertama hingga tempat ketiga.

Manakala pertandingan poster penyelidikan pelajar pascasiswazah pula diadakan untuk memupuk budaya perkongsian ilmu dan kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam kalangan pelajar pasca siswazah. Pertandingan poster penyelidikan ini terbuka kepada semua pelajar pascasiswazah di UTHM yang menjalankan penyelidikan berkaitan nano dan pempamer terbaik akan dipilih oleh pihak juri pertandingan bagi memenangi hadiah menarik yang ditawarkan oleh pihak penganjur.



Majlis Penutup Academia Industry Community Program (AICEP)@ MiNT-SRC 2024

12 Sept. 2024 - Majlis Perasmian Penutup Program AICEP@MiNT-SRC 2024 sempena Bulan Nanoteknologi Minggu Sains Negara anjuran Pusat Penyelidikan Shamsuddin - Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC), Institut Kejuruteraan Integrasi dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah disempurnakan oleh Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada 12 September 2024.

Sinergi aktiviti antara akademik dan industri dengan integrasi kandungan teori dan amali merupakan kekisi program AICEP@MiNT-SRC 2024. Penganjuran program selama dua hari ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak hampir 600 orang peserta. Penglibatan sekolah dan IPT dari lima daerah berbeza dengan pelbagai latar belakang antaranya, SMK (P) Sultan Ibrahim, SMI Hidayah Pasirris Batu Pahat, Kolej Vokasional Kluang, Politeknik Ibrahim Sultan Pasir Gudang, SMK Tengku Mahkota Muar, SMK(A) Pagoh, SMK Senggarang, SMJK Pei Hwa, SMK Convent Batu Pahat, SMK Seri Lalang serta individu yang hadir dan sangat komited.

Diharap objektif program dapat tercapai dalam memperkasakan bidang nanoteknologi dan meningkatkan penglibatan pelajar di dalam bidang sains dan kejuruteraan. Moga program ini dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi pada masa akan datang, dengan lebih banyak rangkaian kerjasama antara pihak universiti, industri, dan komuniti.



Chagar Hutang, Terengganu – Kerja Lapangan Menyokong Pemuliharaan Penyu dengan Kerjasama SEATRU, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Pusat Penyelidikan Elektromagnetik Gunaan (EMCenter), Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Fauziahanim binti Che Seman telah menjalankan satu kerja lapangan ke Chagar Hutang, Terengganu bagi menyokong usaha pemuliharaan penyu dengan kepakaran para penyelidik EMCenter. Program kerja lapangan ini merupakan kerjasama antara pihak EMCenter dan *Sea Turtle Research Unit* (SEATRU), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan ianya telah berlangsung selama empat hari bermula 4 hingga 7 September 2024.

Usaha pemuliharaan penyu dengan menggunakan teknologi memerlukan kajian yang terperinci dan jangka masa panjang kerana ianya melibatkan kecanggihan peranti penjejak lokasi (*location device tracker*) yang dipasang kepada anak penyu (*sea turtle hatchlings*) sebelum dilepaskan ke lautan. Antara spesis yang diberi keutamaan bagi penyelidikan ini adalah Penyu Hijau (*Chelonia mydas*) dan Penyu Sisik (*Eretmochelys imbricata*), yang kedua-duanya bersarang di pantai Chagar Hutang ini.

Chagar Hutang terkenal sebagai kawasan pendaratan penyu untuk bertelur (*nesting site*) dan ianya tidak mempunyai kemudahan internet dan bekalan elektrik. Sehubungan itu, para penyelidik EMCenter dengan menggunakan kepakaran dalam bidang elektromagnetik telah menjalankan pengukuran awal bagi menganalisis spektrum mudah alih di sekitar kawasan Chagar Hutang. Hasil pengukuran spektrum mendapati Chagar Hutang bebas dari sebarang pencemaran elektromagnetik dan sesuai untuk dijadikan lokasi kajian pengujian isyarat komunikasi.

Inisiatif ini sejajar dengan tiga kluster penyelidikan utama EMCenter iaitu komunikasi, tenaga mampan dan ekosistem IoT/AI. Penyelidik Utama (PR) EMCenter berpeluang menilai kecekapan panel pengecasan solar dan menguji ketersambungan sensor IoT bersepadu (*integrated IoT sensors*) menggunakan teknologi LoRa. Selain itu, para penyelidik juga berpeluang mengadakan perbincangan lanjut berkaitan peluang kerjasama antara pihak EMCenter dan SEATRU, UMT bersama Dr. Faizah binti Aplop, ketua penyelidik SEATRU, UMT.



Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Pakar Industri dalam Bidang Pembinaan di Kawasan Tanah Lempot Marin

Batu Pahat, Johor – Pihak Pusat Penyelidikan Tanah Lempot (RECESS), Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Teknologi Kejuruteraan Lestari (SETechRC), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah menganjurkan satu sesi perkongsian ilmu bersama pakar industri berkaitan penggunaan *Geotube* dalam pengurusan dan pembinaan di atas tanah liat marin lembut pada 29 Oktober 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB). Penceramah jemputan bagi sesi perkongsian ilmu ini adalah Ir. Lim Lum Kong, Pengurus Kanan Geosintetik dari Solmax Geosynthetics Asia Sdn Bhd.

Sesi perkongsian ilmu ini memberi keterangan berkaitan teknologi dan metodologi dalam pengurusan dan pembinaan di atas tanah liat marin lembut (*soft marine clay*). Perkongsian ilmu ini dapat meningkatkan daya pemahaman peserta yang menhadapi cabaran di lokasi pembinaan dan menyediakan kaedah penyelesaian mapan dalam bidang pembinaan di kawasan yang mempunyai tanah lembut. Kejayaan program ini mencerminkan komitmen untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam industri pembinaan.



KTP@Kota Tinggi: UTHM Lancar Projek Hidroponik Sifar Karbon, Tujuh Sekolah terima Set Hidroponik

KOTA TINGGI, Johor – Pusat Kecemerlangan Elektromagnet Gunaan (EMCenter), Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) yang diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Siti Amely binti Jumaat dan rakan kerjasamanya berjaya melancarkan Projek Hidroponik Sifar Karbon (HCO₂) bagi sekolah-sekolah di bawah Parlimen Kota Tinggi pada 29 Julai 2024. Majlis Pelancaran Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Program*) KTP@Kota Tinggi ini telah diadakan di Sekolah Kebangsaan (Felda) Lok Heng Selatan yang disempurnakan oleh Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan merangkap Ahli Parlimen Kota Tinggi.

Inisiatif ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memperkasakan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) serta sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam kalangan pelajar sekolah. Tujuh sekolah di bawah Parlimen Kota Tinggi telah terpilih untuk menerima set hidroponik sifar karbon iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Aman, SMK Bandar Kota Tinggi, SMK Bandar Easter, SK Sedili Kecil, SK Felda Lok Heng, SK Felda Lok Heng Selatan dan SK Tun Dr. Syed Nasir.

Harapannya, set hidroponik solar ini dapat menarik minat pelajar dalam bidang STEM dan TVET, sekali gus dapat memberikan mereka pendedahan kepada teknologi pertanian moden yang lestari. Ini dapat menyokong usaha kerajaan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan kepentingan STEM dan TVET sebagai salah satu tonggak utama dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara.



Taklimat Muar *Living Lab* kepada Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (KPT)

Putrajaya, Malaysia - Pasukan Muar *Living Lab* yang diketuai oleh Ts. Dr. Nor Azizi bin Yusoff, Penyelidik Utama (PR) Pusat Penyelidikan Tanah Lempu (RECESS) telah mengetuai sesi taklimat berkaitan Muar *Living Lab* bersama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB. Datuk Ts. Mustapha Sakmud pada 25 Oktober 2024 bertempat di Pejabat Timbalan Menteri, Kementerian Pendidikan Tinggi, Aras 17, Putrajaya.

Turut hadir ke sesi taklimat ini adalah Prof. Madya Ts. Dr. Faridah binti Kormin, Timbalan Pengarah (Jaringan Masyarakat dan Pemindahan Ilmu), Dr. Mohd Hafizal bin Hanipah, Ketua Jabatan (Jaringan Masyarakat dan Pemindahan Ilmu), ICRC, UTHM serta wakil Majlis Perbandaran Muar, Wakil D'Impian Agro & Persatuan Jawa Parit Bugis Muar Johor.

Pihak Muar *Living Lab* diberi peluang untuk menyampaikan taklimat berkaitan pelaksanaan inisiatif di daerah Muar ini kepada YB. Datuk Ts. Mustapha Sakmud dan cetusan idea ini boleh diaplikasi ke seluruh negara bagi memperkukuh jalinan kerjasama antara penyelidik, universiti, industri dan komuniti. Semoga usaha Muar *Living Lab* ini membawa manfaat dan kejayaan dalam memberi solusi kepada isu yang dihadapi oleh industri dan masyarakat.



Kursus Profesional Sertu Kategori Kapal, Premis dan Logistik Pengangkutan Negeri Johor 2024

1 Sept. 2024 - Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM merupakan Rakan Strategik Sertu dan Penyedia Latihan Halal menjalankan kerjasama dengan Bahagian Pengurusan Halal telah menganjurkan Kursus Profesional Sertu Kategori Kapal, Premis, dan Logistik Pengangkutan Tahun 2024, dengan jayanya di Masjid Kg. Melayu, Johor Bahru.

Kursus ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai prosedur sertu, khususnya dalam sektor logistik dan pengangkutan. Kursus ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Institut Sunnah Waljamaah, UTHM, untuk memastikan amalan kebersihan dan pematuan syariah dalam industri logistik, kapal, dan premis perniagaan di Johor.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JAINJ, Tn. Hj. Mohd Taufik bin Dato Hj. Kiyai Shamsuddin, dalam ucapannya menekankan kepentingan kursus ini sebagai platform untuk memperkukuh kefahaman dan pelaksanaa sertu, yang mana merupakan aspek penting dalam industri halal.

Kursus ini dirancang khas kepada semua staf di Bahagian Pengurusan Halal JAINJ dan 11 rakan Strategik Sertu di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang terlibat dalam pelaksanaan sertu industri terutamanya berkaitan pengendalian kapal, pengurusan premis, serta logistik, dengan penekanan kepada standard dan prosedur halal yang perlu dipatuhi.

Tn. Hj. Md. Burhanuddin bin Hj. Tibek, Ahli Majlis Agama Islam Johor berkata “Dengan pemahaman dan latihan yang tepat, kita dapat memastikan bahawa industri di Johor tidak hanya mematuhi piawaian halal tetapi juga menjadi peneraju dalam sektor ini di Malaysia, kursus ini juga menyediakan latihan praktikal kepada peserta untuk melaksanakan prosedur sertu dengan betul”. Turut hadir Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM, Tn. Hj. Mustapahayuddin bin Abdul Khalim.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Burhanudin Tibek, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Johor.



iSWAJ UTHM Anjur Bersama Program iCCOHoF 2024

18-19 Sept. 2024 - Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM sebagai penganjur bersama Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan *1st International Conference of Contemporary Halal and Fatwa (iCCHoF) 2024* di Nilai Spring Resort. Persidangan ini telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 18-19 September 2024 dan dirasmikan oleh Prof. Dato' Ts. Dr Sharifudin bin Md. Shaarani, Naib Canselor USIM.

iSWAJ UTHM turut membentangkan hasil kajian berkaitan halal dan penyertaan poster inovasi produk sertu disamping membuka booth pameran bagi memperluaskan peranan iSWAJ UTHM sebagai Rakan Strategik Sertu JAINJ dan Penyedia Latihan Halal JAKIM.

Persidangan ini dianjurkan untuk membincangkan perkembangan dan cabaran baharu dalam bidang integrasi halal dengan sains dan teknologi serta menyebarkan pengetahuan melalui hubungan yang kukuh dengan penyelidik industri, saintis dan para akademik dari dalam dan luar negara.

Poster inovasi bertajuk *SertuBot: A Remote Control Robotic Vacuum Cleaner For Sertu Solution* telah memenangi Poster Terbaik sempena majlis penutup Persidangan ini.



Lawatan Kerja ke Jepun bagi Merangka Program Pembangunan Dakwah

22-30 Sept. 2024 - Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM telah mengadakan lawatan ke Osaka, Jepun bagi melihat potensi kerjasama dalam pembangunan dakwah Islam di Jepun khususnya di Osaka dan Wakayama. Jepun yang dikenali sebagai Negara Matahari Terbit mempunyai populasi migran yang beragama Islam bertambah saban tahun. Golongan ini telah berjaya menarik minat warga tempatan untuk mendalami Islam dan seterusnya memeluk agama Islam.

Lawatan ini diketuai oleh Pengarah iSWAJ, Ustaz Hj. Mustapahayuddin Abdul Khalim bersama Ketua Jabatan Prof Madya Dr. Khairun Nizam Ramli dan Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol. Lawatan ini juga bertujuan untuk meneroka industri halal Jepun dan melihat peluang kerjasama antara institusi pendidikan dan potensi pengisian bahan dakwah untuk Masjid Japan Da'wah Center (JDC) dengan menandatangani Surat Hasrat antara UTHM-JDC. iSWAJ komited menyediakan media digital dalam bahasa Jepun berkaitan solat, aurat dan makanan halal sebagai medium penyebaran ilmu kepada masyarakat di sana.

Antara pengisian menarik yang direncanakan sepanjang di Jepun; Program Pertukaran Budaya Malaysia dalam *Kids Expo 2024* di *Asia Trade Center Gallery* (ATC), lawatan *Nara Institute of Science and Technology* (NIST), temu bual bersama penyembelih lembu wagyu; Halal Sanda dan kilang makanan.



Lawatan ke Industri Makanan Jepun

24 Okt. 2024 - Sempena Program Pembangunan Pusat Dakwah Jepun, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM sebagai Penyedia Latihan Halal JAKIM meneroka bidang halal di Jepun dengan mengadakan lawatan ke dua kilang pemprosesan makanan di Osaka, Jepun.

Kilang pertama yang dilawati ialah kilang gula-gula tradisional yang dikenali sebagai Konpeitou di Osaka Toka Co. Ltd., Osaka, Jepun. Konpeitou merupakan gula-gula *candy* yang menarik, mempunyai pelbagai perisa dan warna yang mencerminkan pemandangan indah Jepun dengan empat musim. Perkataan Konpeitou berasal dari Portugal yang bermaksud gula-gula *candy*. Bahan utama bagi pembuatan gula-gula *candy* ialah gula dan pewarna semulajadi dan dihasilkan secara manual bagi mengekalkan ciri-ciri bentuk dan perasa gula-gula.

Manakala pada sebelah petang, delegasi iSWAJ telah mengadakan lawatan ke kilang makanan tradisional Jepun; Tsukigesho di Aokishofuan Tsukigesho Factory, Osaka, Jepun. Tsukigesho merupakan makanan tradisional yang sangat popular di Jepun. Bahan utama bagi pembuatan kuih ialah susu kacang soya, gula, doh dan mentega. Proses pembuatan kuih menggunakan mesin *conveyer* moden daripada penyediaan doh sehingga pembungkusan.

Lawatan ini telah diketuai oleh YBhg. Ustaz Hj. Mustapahayuddin bin Abdul Khalim (Pengarah iSWAJ), dan dihadiri oleh Prof. Dr. Yusri bin Yusof, Prof. Madya Dr. Mohammad Sukri bin Mustapa, dan Ketua Jabatan iSWAJ; Prof. Madya Dr. Khairun Nizam bin Ramli dan Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol. iSWAJ UTHM komited untuk menyumbang idea, kepakaran dan tenaga dalam penerokaan kerjasama dengan industri halal Jepun.



Lawatan Kerja ke Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Johor (MOTAC)

14 Ogos 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Johor - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) telah menghadiri sesi lawatan kerja/kunjungan hormat ke Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Johor (MOTAC). Lawatan ini adalah bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak pengurusan MOTAC dalam membantu mendapatkan maklumat mengenai penganjuran persidangan/seminar/kolokium yang akan dianjurkan oleh pihak UTHM pada masa akan datang di beberapa lokasi sekitar negeri Johor. Selain itu lawatan ini juga bertujuan mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan serta pakej atau promosi yang ditawarkan oleh pihak MOTAC. Sesi lawatan ini telah diketuai oleh Pengarah ICC, Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman, Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Affendi bin Abdullah dan dua lagi pegawai pengiring dari ICC.



Perbincangan antara ICC bersama Provost UTHM Kampus Pagoh

19 Ogos 2024 - UTHM Kampus Cawangan Pagoh - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) telah menghadiri satu sesi perbincangan bersama Provost UTHM Kampus Pagoh mengenai isu inkubator yang akan dibuat di UTHM Kampus Pagoh bagi kegunaan pelajar dan STU yang berada di sana. Sesi perbincangan ini telah dihadiri oleh Pengarah ICC, Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman dan juga pegawai-pegawai ICC.



Sesi Bengkel Patent Searching & Drafting 101 (Siri 2)

26 – 28 Ogos 2024 - Bengkel *Patent Searching & Drafting* 101 Siri 2, anjuran bersama Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Bengkel ini dilaksanakan bertujuan supaya penyelidik UTHM tahu bagaimana untuk membuat *patent searching* dan juga *patent drafting*.

Seramai 30 orang penyelidik UTHM telah menyertai program ini. Program ini telah dijalankan secara fizikal di Bilik Mesyuarat 1, Kampus Cawangan Pagoh UTHM.

Program ini memberi pendedahan kepada penyelidik tentang cara menggunakan pelbagai teknik pencarian, termasuk pencarian kata kunci, klasifikasi paten, penggunaan *database* paten dan juga meningkatkan pemahaman tentang persyaratan formal dan *substantif* yang harus dipenuhi dalam *drafting* aplikasi paten.



Lawatan Kerja ke Penerangan Pelancongan Negeri Johor (Jotic) dan Malaysia Tourism Promotion Board (TM Southern Johor)

29 Sept 2024 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), UTHM telah mengadakan sesi lawatan kerja ke Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Johor (JOTIC) dan Malaysia Tourism Promotion Board (TM Southern Johor). Delegasi UTHM yang menyertai lawatan kerja ini ialah Pengarah ICC, Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman, Timbalan Pengarah ICC, Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Affendi bin Abdullah dan juga Ts. Dr. Azizi bin Yusoff. Lawatan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak pengurusan JOTIC dalam membantu mendapatkan maklumat mengenai penganjuran persidangan/seminar/konferensi yang akan dianjurkan oleh pihak UTHM pada masa akan datang di beberapa lokasi sekitar negeri Johor serta mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan serta pakej atau promosi yang ditawarkan oleh pihak JOTIC dan Tourism Malaysia (TM).



Pameran Produk Hasil Penyelidikan UTHM Sempena Acara Elsevier-MTUN Symposium 2024

30 Sept. 2024 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC UTHM) telah mendapat jemputan untuk mempamerkan produk hasil penyelidikan UTHM sempena acara berprestij Elsevier-MTUN Symposium 2024 yang berlangsung di Zenith Hotel, Kuantan, Pahang.

Antara produk yang dipamerkan ialah *Self - Balancing Motorcycle Using AI* dan *Linabot* hasil penyelidikan Prof. Madya Dr. Abu Ubaidah bin Shamsudin serta *Rehabilitation and Assessment Device (ReHAD)* hasil penyelidikan Dr. Hisyam bin Abdul Rahman.

Elsevier-MTUN Symposium 2024 merupakan acara tahunan anjuran hasil kolaborasi bersama rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang terdiri daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPAA) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Pada penganjuran acara yang telah masuk untuk kali ke-3 ini, UMPAA telah dipilih sebagai tuan rumah dengan bertemakan “Artificial Intelligence (AI) Approaches to Enhancing the Quality of Teaching and Research within the Malaysian Technical Universities Network.

YB. Prof. Dato’ Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM bersama-sama YH. Profesor Dato’ Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, Naib Canselor UMPAA telah mengiringi YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia untuk melawat setiap reruai pameran termasuk UTHM sebaik sahaja penyempurnaan perasmian simposium tersebut. Turut bersama dalam lawatan reruai tersebut, Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UTHM serta Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM.



Bengkel Pengurusan Inkubator @ ICC

2 Okt. 2024 - Pihak ICC telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Inkubator yang telah disampaikan oleh Prof. Adjung Tn. Hj. Azra’i Shu’ib bagi memberikan pendedahan kepada staf ICC melalui perkongsian pengalaman serta kemahiran di dalam menguruskan inkubator di Technology Park Malaysia. Prof Adjung juga diminta untuk membuat semakan dokumen modul STU yang bakal diterbitkan untuk rujukan dan panduan STU UTHM.



Sesi Coaching Peserta Semi Final Innovathon Musim ke-2 Oleh

Prof. Adjung Tn. Hj. Azra’i Shu’ib

8 Okt. 2024 - Inkubator @ ICC telah berlangsung sesi Coaching Peserta Semi Final Innovathon Musim Ke-2 oleh Prof. Adjung Tn. Hj. Azra’i Shu’ib.

Sesi coaching telah disertai oleh 3 peserta iaitu Prof. Madya Dr. Anida (FKEE), Dr. Hisham (FKEE) dan Dr. Aliff Hisham (FTK). Semoga dengan sesi ini, sedikit sebanyak dapat membantu peserta UTHM untuk mara ke peringkat akhir.



Perjumpaan dan Pembentangan bersama Pengerusi Jawatankuasa Komersialisasi dan Keusahawanan, UTHM



6 Nov. 2024 - Perbincangan dan Pembentangan bersama YBhg. Datuk Hj. Mohd Lassim Burhan selaku Pengerusi Jawatankuasa Komersialisasi dan Keusahawanan UTHM. Turut hadir, Pengarah dan Timbalan Pengarah ICC, Pengarah Institut Kejuruteraan Integrasi, Pengarah Pejabat Penerbit, Wakil Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Wakil Pengarah Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat dan wakil penyelidik dari makmal di Pusat Kecemerlangan (CoE) UTHM.

Input-input yang telah diberikan oleh YBhg. Datuk sangat diperlukan untuk memastikan aktiviti komersial dan keusahawanan UTHM terus kekal relevan.

Tahniah atas pelantikan YBhg. Datuk sebagai Pengerusi Jawatankuasa Komersialisasi dan Keusahawanan UTHM.

Klinik Pengurusan Harta Pusaka (Siri 4/2024)



28 Ogos 2024 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) dengan kerjasama Wasiyyah Shoppe mengadakan satu program khidmat nasihat pengurusan harta pusaka bertujuan untuk membantu dan memberi kesedaran kepada staf UTHM mengenai pengurusan dan perancangan harta pusaka sekaligus menawarkan khidmat nasihat dari pengurus harta pusaka profesional. Klinik ini dilakukan dengan membuka kaunter di depan Pejabat PERKASA UTHM dan dijalankan sebulan sekali.

Lawatan Berpandu ke Tapak Warisan Dunia Melaka dan Tinjauan Inventori Aset Harta Tanah Wakaf

17 Okt 2024 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), UTHM telah mengadakan Lawatan Berpandu ke Tapak Warisan Dunia Melaka dan tinjauan inventori aset harta tanah wakaf di Puteri Bay Hotel, Tanjung Kling, Melaka. Lawatan berpandu ini dikendalikan oleh Tn. Hj. Rosli bin Hj. Noor seorang arkitek dan ahli ICOMOS Malaysia yang turut berkongsi pengalaman tentang sejarah dan pengurusan tapak Warisan Dunia Melaka.



Klinik Perancangan Harta dan Pengurusan Harta Pusaka Islam

27 Okt 2024 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) dengan kerjasama Wasiyyah Shoppe mengadakan satu program khidmat nasihat pengurusan harta pusaka bertujuan untuk membantu dan memberi kesedaran kepada staf UTHM mengenai pengurusan dan perancangan harta pusaka sekaligus menawarkan khidmat nasihat daripada da'i pengurus harta pusaka Islam yang berpengalaman. Klinik ini dibuka di Ruang Galeri Wakaf UTHM, Masjid Sultan Ibrahim.

Seminar Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia "Tadbir Urus Berstrategi Pendigitalan PBT: Antara Impak dan Cabaran"

1-2 Okt 2024 - Program ini merupakan program kerjasama di antara Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) dengan pihak EB Property Management yang telah berjaya menganjurkan Seminar Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia: Tadbir Urus Berstrategi Pendigitalan PBT-Antara Impak dan Cabaran bertempat di Imperial Hotel Kuching, Sarawak. Ia diadakan selama 2 hari dan telah berjaya memberi pendedahan terhadap kepentingan pengurusan percukaian di PBT ke arah matlamat bandar berdaya huni melalui penceramah-penceramah daripada pelbagai agensi termasuk awam dan swasta. Terdapat juga sesi lawatan ke Dewan Bandaraya Kuching Selatan (DBKU) pada hari ke-2 program di mana Presiden DBKU menyampaikan ucapan aluan kepada para peserta.







Perkongsian Ilmu Harta Tanah kepada Ahli Parlimen Malaysia

14 Nov. 2024 - Pihak Institut Harta Tanah (MyREI) yang diketuai oleh Pengarah MyREI, Prof. Madya Sr Dr. Abdul Jalil bin Omar bersama pakar-pakar harta tanah negara yang terdiri daripada Prof. Sr. Dr. Wan Zahari (Felo, MyREI), Prof. Dr. Ainul Jaria Maidin (Felo Pelawat, MyREI), Prof. Dr. Ting Kien Hwa (MIPFM) dan Prof. Dr. Mohd Khairuddin Abd Halim (UM) telah memberi input berkaitan beberapa isu harta tanah di Malaysia kepada Pengerusi *Backbenchers* Kerajaan, YB. Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah dan wakil-wakil parti berkaitan isu pengurusan harta tanah di bawah Akta Pengurusan Strata (Akta 757) dan isu tanah Semantan Estate. Perkongsian ilmu di Parlimen Malaysia ini telah memberi ruang kepada pihak MyREI untuk menyatakan pandangan daripada sudut akademik dan profesional bagi mengatasi isu-isu harta tanah negara dengan lebih berkesan.



Urban Regeneration: Way Forward'



25 Nov. 2024 - Bengkel sehari yang diadakan di Melaka dengan matlamat mengadakan perbincangan di antara akademik dan pihak industri bagi mewujudkan ekosistem inovatif bagi mengatasi cabaran penjana semula bandar, dengan tumpuan kepada pembangunan dasar, perkongsian awam-swasta dan penglibatan pihak berkepentingan untuk menjayakan matlamat pembangunan lestari (SDG). Program ini telah dihadiri 29 orang peserta daripada pelbagai agensi awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Menariknya, program ini juga diselitkan dengan *product pitching* daripada Atsugi Technologies dan Lotus Design & Services, sesi *coffee talk* oleh Pertubuhan ICOMOS Malaysia selain pempamer daripada SWM Environment. Program ini berakhir dengan sesi forum yang menampilkan penceramah terkemuka dari universiti, industri dan NGO.



Majlis Pelancaran Galeri 'Batu Pahat 1894'

30 Nov. 2024 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) telah melancarkan 'Galeri Batu Pahat 1894' di 12, Jalan Penggaram, Batu Pahat, Johor yang dibangunkan secara usahasama dengan komuniti tempatan iaitu Hakka House Batu Pahat. Galeri ini diwujudkan melalui kerjasama strategik oleh beberapa pihak iaitu Pejabat Ahli Parlimen Batu Pahat, Pertubuhan ICOMOS Malaysia, Hakka House Batu Pahat, Centre of Sustainable Infrastructure & Environmental Management (CSIEM), UTHM serta *Caffeine & Callories By Gastro Scholar*, sebuah syarikat terbitan universiti. Melalui galeri ini, universiti dapat menggerakkan program-program kesedaran bersama komuniti berkaitan sejarah dan evolusi perkembangan bandar Batu Pahat yang memiliki keunikan dari segi sejarah, arkitektur, warisan budaya, dan keindahan alam. Turut hadir di majlis pelancaran ini ialah Yang Berhormat Tuan Hj. Onn Abu Bakar, Ahli Parlimen Batu Pahat; En. Shazwan Zainal Abidin, Pegawai Khas kepada ADUN Penggaram; Pengarah MyREI, Prof. Madya Sr Dr. Abdul Jalil Omar; En. Gerald Lee Pin Chin dan Pn. Angie Hoo Pei Pei (pemilik Hakka House Batu Pahat) dan Prof. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan Pengarah, Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM. Ia turut dihadiri oleh ketua dan ahli-ahli persatuan Cina, anggota masyarakat selain individu-individu yang berminat tentang sejarah dan budaya Batu Pahat.



Pertemuan bersama Lembaga Layanan Pendidikan Tinggi (LLDIKTI) Wilayah X Di Jambi, Indonesia

23-24 Ogos 2024 - Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), UTHM telah menyertai pertemuan bersama Lembaga Layanan Pendidikan Tinggi (LLDIKTI) Wilayah X di Jambi, Indonesia.

Menurut Timbalan Pengarah TRANSFORM iaitu Dr. Hj. Fauziah Ani, tujuan utama pertemuan ini adalah untuk membincangkan kerjasama penyelidikan bersama, penganjuran seminar dan mempromosikan pengajian pascasiswazah di UTHM.

Turut hadir adalah Prof. Madya Dr. Mohd Zaky Noh, Dekan Pusat Pengajian Siswazah UTHM dan Dr. Shahidah Hamzah, Felo Penyelidik TRANSFORM UTHM.



Perbincangan Mengenai Program Kerjasama antara TRANSFORM UTHM dan Sekolah Kebangsaan Peserai



4 Sept. 2024 - TRANSFORM UTHM telah mengadakan sesi perbincangan di SK Peserai bagi membincangkan tentang kerjasama yang boleh dijalankan bersama.

Perbincangan ini telah dihadiri oleh Felo Penyelidik TRANSFORM iaitu Dr. Mimi Nahariah Azwani binti Mohamed. Turut serta dalam perbincangan ini ialah Guru Besar SK Peserai iaitu En. Mohd Nazri bin Samad, Penyelaras HiP Inggeris iaitu Pn. Nurul Syazwani, dan Penyelaras Program Literasi dan KP Bahasa Inggeris iaitu Pn. Mudlifah.



Perbincangan Mengenai Program Kerjasama antara TRANSFORM UTHM dan Ketua Komuniti Dato' Ibrahim Majid

5 Sept. 2024 - TRANSFORM UTHM telah mengadakan perbincangan bersama Ketua Komuniti Kampung Dato' Ibrahim Majid berhubung Geran Sejati Madani. Hasil perbincangan mendapati bahawa persetujuan awal telah disepakati namun ia terpaksa ditunda kerana isu yang dihadapi oleh komuniti.



Lawatan Kerjasama TRANSFORM UTHM ke Pusat Latihan dan Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Selatan

5 Sept. 2024 - TRANSFORM UTHM telah mengadakan Lawatan Kerjasama ke Pusat Latihan dan Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Selatan, Jabatan Pertanian Malaysia.

Kehadiran ini telah disambut oleh Pengarah PLPP Wilayah Selatan iaitu Pn. Juliawaty Sulaiman. Tujuan kunjungan ini adalah untuk meneroka potensi kerjasama dengan PLPP. Beberapa persetujuan awal telah disepakati oleh kedua-dua belah pihak.



Kursus Kajian Impak Sosial dan Ekonomi

8 Sept. 2024 - Pusat Kepimpinan dan Kompetensi dengan kerjasama TRANSFORM UTHM telah menganjurkan Kursus Kajian Impak Sosial dan Ekonomi.

Kursus yang dilaksanakan di Pejabat Pendaftar ini melibatkan 26 orang terdiri daripada Felo Penyelidik, Felo Penyelidik Bersekutu dan beberapa orang pensyarah daripada fakulti.

Kursus ini disampaikan oleh Prof. Dr. Zulkefly bin Abdul Karim iaitu Peneraju Kluster Penyelidikan Transformasi Sosial dan Ekonomi - Pusat IDEA, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah untuk mendalami model, tumpuan, elemen dan pengukuran bagi kajian impak sosial dan ekonomi. Selain itu, penceramah turut menyajikan peluang-peluang penyelidikan terkini menerusi geran-geran yang ditawarkan kerajaan.



Kajian Persepsi Politik dan Pola Pengundian di Dun N.29 Mahkota


10-14 Sept 2024 - TRANSFORM UTHM telah melaksanakan kajian Persepsi Politik dan Pola Pengundian di DUN N.29 Mahkota.

Seramai lima orang pengkaji dan tujuh enumerator telah terlibat dalam kajian lapangan ini. Hasil dapatan kajian ini telah dibentangkan di hadapan Prof. Dato' Naib Canselor pada 18 September 2024 (Rabu) dan Yang Berhormat Menteri KPT pada 19 September 2024 (Khamis).



Lawatan Petronas Research Sdn. Bhd. (PRSB) ke Pusat Pengurusan Penyelidikan RMC UTHM

7 Ogos 2024 - Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir dan terlibat dalam lawatan penanda aras ini. Semoga ia memberi manfaat kepada pembangunan kedua dua pihak pada masa akan datang.



Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Pengurusan Penyelidikan (JSPP) Bil. 04/2024

26 Ogos 2024 - Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir dan terlibat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Pengurusan Penyelidikan (JSPP) ini. Semoga ia memberi manfaat kepada semua pada masa akan datang.



Taklimat Panel Penilai Dalam Geran Penyelidikan Program Padanan Industri (IMaP) 2.0 Tahun 2024

8 Ogos 2024 - Taklimat Panel Penilai Dalam Geran Penyelidikan Program Padanan Industri (IMaP) 2.0 Tahun 2024 disampaikan oleh 3 penceramah; Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani Adnan, Cik Nurul Huda Abdul Rahman dan Cik Aimi Syahida binti Ahmad Yani yang dijalankan melalui platform Google Meet.



Sesi Pemantauan Kemajuan Geran Penyelidikan Bil. 10/2024 – Permohonan Pelanjutan Geran FRGS

14 Ogos 2024 - Menggunakan kaedah pertemuan atas talian melalui platform 1 sesi pemantauan kemajuan geran penyelidikan Bil. 10/2024 telah dijalankan. Ketua Projek yang terlibat:

1. Ts. Nur Faezah binti Yahya
2. Prof. Madya Dr. Muhammad Ramlee bin Kamarudin
3. Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana binti Mohamad
4. Ts. Dr. Yusmarwati binti Yusof
5. Prof. Madya Dr. Nor Lisa binti Sulaiman
6. Prof. Madya Ts. Dr. Aini Nazura binti Paimin @ Abdul Halim
7. Dr. Rabatul Aduni binti Sulaiman
8. Prof. Madya Ts. Dr. Siti Suhana binti Jamaian
9. Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Adib bin Mohammad Razi



Pembentangan Permohonan Geran Baharu – Geran Sepadan Bil. 3/2024

8 Sept. 2024 - Telah dijalankan satu sesi pembentangan permohonan geran baharu dengan kehadiran oleh; Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan (RMC), Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani binti Adnan (RMC), Prof. Ir. Dr. Chan Chee Ming (FTK), Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina binti Osman (FKMP) dan Cik Aimi Syahida binti Ahmad Yani (RMC)



Perbincangan Kerjasama Penyelidikan di antara Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan UTHM

11 Sept. 2024 - Pada Rabu 3 petang telah berlangsungnya satu sesi perbincangan kerjasama penyelidikan antara Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan UTHM. Perbincangan ini dihadiri oleh;

1. YB. Prof Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim (Naib Canselor UTHM)
2. Prof Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman bin Omar, (Naib Canselor KLMUC)
3. Prof Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad (Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM)
4. Prof Dr. Nafarizal bin Nayan (Pengarah RMC)
5. PM Dr. Suraya Hani binti Adnan
6. Cik Nurul Huda binti Abdul Rahman
7. Cik Aimi Syahida binti Ahmad Yani



Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



12 Sept. 2024 - Satu sesi Audit EKSA telah dijalankan di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan dihadiri oleh wakil EKSA UTHM iaitu Pn. Lisa Mariam Syawal binti Ismail dan juga Pn. Zalinah binti Salehon (Ketua Bahagian Peningkatan Kualiti UTHM). Sesi ini disantuni oleh Pn. Nurul Asikin binti Nordin selaku penyelaras EKSA di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

Sesi Taklimat Pemantapan Penyediaan Dokumen Permohonan Geran Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLab) 1/2024

14 Okt. 2024 - Satu sesi taklimat pemantapan penyediaan dokumen permohonan geran Malaysia *laboratories for academia-business collaboration* (MyLAB) 1/2024 telah diadakan bertempat di Dewan Jamuan, Kementerian Pendidikan Putrajaya. Sesi ini telah diwakili oleh;

1. Prof. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali (FKMP)
2. Dr. Rais Hanizam bin Madon (FKMP)
3. Tc. Mzahar bin Abd. Jalal (FKMP)
4. Ts. Dr. Amirul Syafiq bin Sadun (FTK)
5. Dr. Nor Shahida binti Mohd Shah (FTK)
6. Ts. Dr. Muhammad Rusydi bin Muhammad Razif (FTK)
7. Cik Aimi Syahida binti Ahmad Yani (RMC)
8. Dr. Noor Khairin Mohd (MPOB)
9. Pn. Amira Farhanah binti Zulkifli (Glide Technology Sdn. Bhd.)
10. Tn. Hj. Mohd Faris Hamzi bin Tn. Hj. Mohamad (Hijrah Water Sdn. Bhd.)



Lawatan Industri Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa bersama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UTHM ke Bosh Rexroth Sdn. Bhd.

1 Ogos 2024 - Satu lawatan anjuran Pejabat Strategi dan Pembangunan Reputasi (PSPR) bersama Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM telah diadakan di Bosh Rexroth Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor. Tujuan lawatan ini adalah untuk meneroka peluang kolaborasi strategik dalam penyelidikan dan latihan pelajar, dengan memberi penekanan pada teknologi canggih yang mampu meningkatkan keupayaan graduan UTHM. Lawatan tersebut diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, bersama pengarah-pengarah PTJ.

En. Royce TS Tan, Pengarah Industri 4.0 & Didactics, memberikan taklimat terperinci mengenai teknologi Bosh yang telah diaplikasikan di Malaysia selama 104 tahun, termasuk dalam sektor pembuatan automotif dan infrastruktur. Beliau turut menjelaskan bagaimana peralatan Bosh dapat digunakan untuk melatih pelajar, membekalkan mereka dengan kemahiran industri yang relevan dan terkini.

Harapan dari lawatan ini adalah untuk memperkukuh hubungan antara UTHM dan Bosh Rexroth Sdn. Bhd., serta mencipta peluang penyelidikan dan latihan yang berimpak tinggi. Diharapkan juga lawatan ini dapat memastikan pelajar UTHM bersedia memenuhi keperluan industri moden, sekaligus meningkatkan kebolehpasaran mereka di dunia pekerjaan.



Taklimat Permohonan Geran Sejati Madani

29 Ogos 2024 - Taklimat Permohonan Geran Sejati Madani telah berlangsung di ICRC UTHM yang disampaikan oleh Encik Abdul Rahman bin Abdul Ghani, Ketua Penolong Pengarah (Kesejahteraan Rakyat), Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Program ini memberi fokus kepada panduan dalam penyediaan proposal untuk permohonan geran, di mana Encik Abdul Rahman turut berkongsi strategi dan teknik yang penting untuk memastikan proposal yang dihantar memenuhi kriteria dan meningkatkan peluang kejayaan.

Peserta taklimat ini terdiri daripada staf UTHM yang berminat untuk memanfaatkan Geran Sejati Madani bagi tujuan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada komuniti. Melalui taklimat ini, peserta diberi pendedahan tentang aspek-aspek penting dalam penyediaan proposal geran, dengan penekanan kepada teknik penyusunan yang efektif dan keperluan perincian yang perlu dititikberatkan dalam permohonan.




Lawatan Industri ke Ditrolic Energy HQ

5 Sept. 2024 - Satu sesi lawatan industri telah diadakan di Ditrolic Energy HQ, Johor Bahru, yang diketuai oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah Binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif kerjasama strategik dalam pembangunan tenaga boleh diperbaharui di Malaysia.

Ditrolic Energy, yang terkenal dengan penyelesaian tenaga bersihnya, menyambut delegasi ICRC UTHM dengan mesra dan berkongsi pelbagai teknologi terkini dalam bidang tenaga solar. Sesi perbincangan yang produktif diadakan, membincangkan peluang-peluang kolaborasi antara UTHM dan Ditrolic Energy dalam usaha memperkukuh penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tenaga hijau.

Program ini adalah langkah positif dalam memperkukuh hubungan industri antara UTHM dan pemain industri tenaga, yang secara tidak langsung menyokong agenda pembangunan tenaga mapan di Malaysia. ICRC UTHM berharap hasil daripada lawatan ini akan membuka lebih banyak peluang kerjasama yang memberi impak besar dalam sektor tenaga hijau.



Perjumpaan UTHM Bersama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

10 Nov 2024 - Satu pertemuan di antara pengurusan UTHM bersama YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan di Hotel Pelican, Batu Pahat. UTHM diketuai oleh Naib Canselor UTHM dan turut disertai TNCPI, TNCHEPA, serta wakil ICRC. Pertemuan ini bertujuan membincangkan inisiatif pembangunan masyarakat yang berfokus kepada kesejahteraan dan inovasi sosial.

UTHM membentangkan beberapa inisiatif strategik seperti Solar Hidroponik, yang menggabungkan tenaga solar dengan sistem hidroponik untuk pembangunan lestari, serta projek kulinari yang memberi peluang pekerjaan dalam sektor penyediaan makanan. Projek *Drone* untuk Wanita dan OKU serta OSHA untuk golongan yang sama turut diketengahkan, dengan fokus kepada penggunaan teknologi dan keselamatan pekerjaan. Selain itu, Produk Inovasi dan usaha advokasi bagi hak wanita, kanak-kanak, dan OKU dibincangkan, bersama projek sosial Sinar Pusara yang menghormati keperluan pemakaman komuniti.

Program ini diharapkan dapat memperkukuh kerjasama strategik antara UTHM dan Kementerian dalam usaha membangunkan masyarakat inklusif dan sejahtera. UTHM dan Kementerian berharap kolaborasi ini memberikan impak besar dalam mendayakan kumpulan sasar seperti wanita, warga emas, dan OKU, seterusnya menyokong pembangunan masyarakat Malaysia ke arah kemajuan yang lebih inklusif dan sejahtera.



Mesyuarat Penyelarasan Permohonan Akses Internet UTHM untuk Komuniti Seri Gading

27 Okt. 2024 - Mesyuarat penyelarasan telah diadakan untuk membincangkan permohonan kebenaran menggunakan sumber internet UTHM bagi manfaat komuniti di kawasan kampung sekitar Mukim Seri Gading. Inisiatif ini bertujuan memperkukuhkan akses kepada teknologi maklumat dan meningkatkan literasi digital dalam kalangan penduduk setempat.

Mesyuarat ini menghasilkan pelan tindakan yang merangkumi strategi memperluas capaian internet ke kampung-kampung terlibat. Output utama termasuk penyediaan sokongan teknikal dan pelaksanaan latihan penggunaan teknologi secara efektif, agar komuniti dapat memanfaatkan kemudahan internet yang disediakan.

Program ini dijangka memberi impak besar dengan merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar, menyokong pembelajaran dalam talian, serta memperkasakan komuniti dengan kemahiran teknologi yang relevan untuk memajukan sosioekonomi mereka.



Program Makerobot@Medini

25 Sept. 2024 - Program Makerobot@Medini telah berjaya dilaksanakan hasil kerjasama antara ICRC UTHM dan Sekolah Kebangsaan Medini. Program ini bertujuan memperkenalkan teknologi robotik kepada pelajar sekolah rendah dan memperkasakan pengetahuan mereka dalam bidang STEM.

Bengkel interaktif asas robotik yang dikendalikan oleh pakar dari Pusat Masyarakat Makerspace memberikan pendedahan praktikal kepada pelajar. Aktiviti ini memupuk minat mereka terhadap teknologi sambil menggalakkan kreativiti dalam meneroka dunia robotik.

Program ini memberi impak positif kepada pelajar dengan membuka peluang untuk meneroka bidang teknologi, selain menyumbang kepada pembangunan komuniti berasaskan pendidikan STEM. Ia turut mengeratkan hubungan antara institusi pendidikan tinggi dan masyarakat, sejajar dengan usaha mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat.




Bengkel *Post-Mortem* Pencapaian 2024 dan Sasaran Kerja Tahunan 2025 Pejabat Penerbit

Bengkel *Post-Mortem* Pencapaian 2024 dan Sasaran Kerja Tahunan 2025 Pejabat Penerbit UTHM telah berlangsung dari 14 hingga 16 November 2024 di Savanna Hill Resort, Ulu Tiram, Johor Bahru. Bengkel selama tiga hari ini melibatkan 20 orang staf Pejabat Penerbit, termasuk Pengarah Pejabat Penerbit, Prof. Madya Dr. Akmal bin Mohammed, dan Timbalan Pengarah, Prof. Madya Dr. Azwan bin Sapit. Resort yang dipilih menawarkan suasana '*back to nature*' dengan pemandangan alam semula jadi yang menenangkan.

Tujuan utama bengkel ini adalah untuk menilai pencapaian tahun 2024, merangka Sasaran Kerja Tahunan 2025, dan strategi penjana pendapatan Penerbit UTHM dengan lebih efektif. Selain itu, bengkel ini bertujuan menyelaraskan strategi pembangunan dan pengurusan sumber manusia bagi meningkatkan tadbir urus dan penjana pendapatan. Aktiviti bengkel termasuk pembentangan pencapaian 2024, sasaran kerja 2025, serta perbincangan kumpulan untuk merancang sasaran kerja tahunan bagi setiap bahagian.

Bengkel ini juga memberi peluang untuk membina kerjasama antara staf melalui aktiviti riadah seperti sukaneka dan *briskwalk*. Dengan matlamat memperkukuhkan penerbitan berkualiti dan penjana pendapatan, bengkel ini diharap dapat memastikan kelancaran perancangan dan operasi Pejabat Penerbit UTHM untuk tahun 2025.



Pencapaian Penerbit UTHM bagi tahun 2024



Pada tahun 2024, Penerbit UTHM berjaya mencatatkan pencapaian cemerlang dengan menerbitkan 102 judul, buku ianya terdiri daripada 19 buku ilmiah, 20 buku teks, dan 63 bab dalam buku. Di samping itu, sebanyak 13 modul baru yang diterbitkan dan 34 modul yang diulang cetak, menggambarkan usaha berterusan dalam memperkaya bahan pembelajaran. Dalam kategori terbitan khas, 25 judul berjaya dihasilkan, membuktikan komitmen terhadap penyediaan kandungan berkualiti.

Penerbitan buku tidak terhad kepada edisi cetak sahaja, malah turut diterbitkan dalam format elektronik (*e-book*), memastikan akses yang lebih meluas. Komitmen staf UTHM dalam menyumbang manuskrip pelbagai *genre* memainkan peranan penting dalam memperkayakan data penerbitan, meningkatkan kualiti dan reputasi universiti, serta menyokong perkembangan ilmu pengetahuan merentas pelbagai bidang melalui penerbitan bermutu tinggi.



KEYCHAIN
NAIL CLIPPER
RM 4.90



POUCH BAG
RM 6.90



WOVEN BAG
RM 9.90



CANVAS BAG
RM 19.00



PAPER BAG
(A4)
RM 13.50



STAINLESS
STEEL FLASK
RM 35.50



NECKTIE
WITH BOX
RM 27.50



TIE PIN
RM 19.90



FRIDGE
MAGNET
RM 5.50

pemasaran.uthm@gmail.com
www.facebook.com/penerbit.uthm
http://penerbit.uthm.edu.my
07-453 8529/8698

Sales

UTHM Souvenirs

Come and Get it at
Kedai Buku Penerbit

Penerbit
UTHM

NEW



KOPIAH
RM 22.50

NEW



CAP
RM 14.50

UMBRELLA
RM 28.00



PEN (P/P 1596)
RM 4.50



PEN (P/P 8529)
RM 5.90



RM 2.50



PEN

NAME CARD HOLDER
WITH PEN
RM 30.50



STYLUS LASER
POINTER PEN
RM 18.00



ECO NOTEBOOK WITH PEN
AND STICKER
RM 11.90




FACE TOWEL
RM 26.50



RM 15.00



MUG



CAR STICKER UTHM
(2.5' x 10')
RM 5.90

Jualan Cenderamata Eksklusif UTHM di Kedai Buku Penerbit UTHM

Selain bahan rujukan akademik, Kedai Buku Penerbit UTHM juga menawarkan pelbagai pilihan cenderamata eksklusif UTHM untuk warga kampus dan orang ramai yang ingin memiliki barangan dengan cetakan logo universiti. Antara cenderamata yang ditawarkan termasuk pen, payung, tuala muka, bekas minuman bersuhu, buku nota, tali leher, klip tali leher, beg kertas, mug, stiker kenderaan UTHM, dan banyak lagi.

Cenderamata ini direka khas untuk mencerminkan identiti UTHM, menjadikannya pilihan ideal sebagai hadiah kenang-kenangan, penghargaan, atau koleksi peribadi. Cenderamata ini bukan sahaja sesuai untuk pelajar, kakitangan, dan alumni, tetapi juga sebagai hadiah untuk pelawat yang berurusan dengan universiti.

Barangan ini boleh didapati di Kedai Buku Penerbit UTHM. Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan cenderamata eksklusif UTHM hari ini!

Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)


Tahniah kepada semua staf Pejabat Penerbit UTHM atas ANUGERAH PENARAFAN EMAS dalam Audit Integrasi EKSA UTHM yang telah dilaksanakan pada 13 Ogos - 24 September 2024. Semoga pencapaian ini dapat memberi suntikan motivasi dan semangat berterusan untuk semua mengekalkan budaya kerja yang tinggi dan cemerlang



BUKU TERBITAN

2024






KARYA KREATIF



KARYA ASLI



KARYA
PENYELIDIKAN



BUKU TEKS

